

## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

SHIMONO Holding (M) Sdn. Bhd. (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Telok Datok, Selangor bagi pertuduhan di bawah subperaturan 109A(2)(b) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (PPE) atas kesalahan dengan sengaja menyimpan kelengkapan yang tidak dilabelkan mengikut Peraturan 98 PPE, iaitu tiada pelabelan ST-SIRIM dengan niat untuk menjual kelengkapan tersebut. Pada 21 Mei 2025, OKS mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,000.00 gagal bayar dua (2) bulan penjara. OKS telah membayar denda tersebut.